

20/11/1999

Gunakan hak dengan bijak: Dr M

Hassan Omar

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pengundi supaya memahami tujuan pilihan raya iaitu untuk memilih kerajaan yang mampu mentadbir dengan cekap bagi memajukan negara.

Perdana Menteri berkata, pilihan raya 29 November ini bukan waktunya untuk pengundi terpengaruh dengan janji kosong dan dakyah parti pembangkang yang menuduh, kononnya kerajaan melakukan penyelewengan hingga menyebabkan mereka dikelirukan.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir pilihan raya adalah waktu untuk pengundi berfikir secara bijak dan memilih kerajaan yang bukan setakat mampu menjamin kesejahteraan hidup masyarakat pelbagai kaum, malah menjamin masa depan generasi akan datang.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan hanya Barisan Nasional (BN) yang mampu menjamin pembangunan negara kerana bukan semua kerajaan di dunia yang mampu berfungsi seperti BN.

Dengan mengambil contoh ketiadaan kuasa rakyat untuk memilih kerajaan ketika negara dijajah British, Dr Mahathir berkata kerajaan penjajah bertindak sesuka hati tanpa mempedulikan pandangan rakyat.

"Penjelasan mengenai pilihan raya penting kerana ada pihak tertentu memberi makna yang lain kepada pilihan raya yang menyebabkan pengundi keliru dan membuat pilihan yang salah dengan mengundi orang yang tidak sepatutnya diundi.

"Kita kena pilih kerajaan yang mengambil berat nasib rakyat, membangunkan kemudahan untuk rakyat. Saya ingin mengingatkan rakyat, bukan semua kerajaan yang boleh buat apa yang kita capai sekarang," katanya ketika pada majlis perjumpaan dengan masyarakat di pekan Tunjang, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang ditemani isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang ke Kubang Pasu petang ini untuk penamaan calon Parlimen Kubang Pasu, esok.

Perdana Menteri juga berkata, jika parti pembangkang yang tidak cekap mentadbir dan membangunkan negara dipilih, rakyat tidak akan menikmati kemajuan.

Dengan mengambil contoh kemunduran Kelantan di bawah kerajaan Pas yang dipimpin Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Perdana Menteri berkata, rakyat Kelantan terpaksa berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan pekerjaan berikutan kegagalan kerajaan Pas memajukan negeri itu.

"Nik Aziz kata memanglah mereka memperalatkan al-Quran. Kita tak patut peralatkan al-Quran. Kita patut berpandu kepada ajaran Islam sebenar yang ada dalam al-Quran, bukan peralat al-Quran.

"Apa yang Nik Aziz kata itu tak kena. Nabi Mohamad tidak peralatkan al-Quran. Nabi menyampaikan ajaran Islam yang tersebut dalam al-Quran, nak bagi keterangan tetapi Nik Aziz ambil al-Quran salah tafsir al-Quran, guna untuk dapat undi.

"Kita tak patut guna al-Quran nak pancing undi. Kita bubuh al-Quran hujung kail dan kita sua kepada orang nak pancing undi. Baik tak usah," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan pengundi supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan pemimpin Pas, kononnya parti itu adalah Islam dan Islam adalah Pas.

"Pas kata dia parti Islam kononnya. Tak pernah ada parti Islam, cuma

yang ada orang Islam. Semua orang Islam adalah dari satu parti, orang Islamlah kita semua tetapi kita nak ikut benda yang benar. Ikut ajaran Islam sebenar," katanya.

Mengenai calon BN, Perdana Menteri berkata pengundi tidak harus terlalu memikirkan mengenai calon di kawasan mereka, sebaliknya undian haruslah berasaskan hasrat bagi membentuk kerajaan yang kukuh.

"Untuk pilih kerajaan, jangan fikir sangat siapa yang bertanding. Di sini sayalah yang nak bertanding, mintalah kalau diizinkan. Kalau orang Pas nampak muka saya ni hodoh sangat, tutup muka saya, pasang dacing tu di muka, pangkah saja.

"Cakap kepada diri sendiri, bukan saya undi Dr Mahathir, saya undi dacing," katanya secara berseloroh.

(END)